KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11.04.22	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	TNB			

SJSM Kenyir dijangka kembali beroperasi hujung tahun

SHAH ALAM - Usaha baik pulih Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) yang dihentikan sementara operasi sejak 27 Februari selepas dilanda tanah runtuh berjalan dengan lancar.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan yang meninjau kerja-kerja membaik pulih stesen itu berpuas hati dengan usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) memulihkan operasi stesen itu.

"Usaha memulihkan operasinya berjalan lancar dengan kini memasuki fasa pemulihan kejuruteraan dan beroperasi semula menjelang hujung tahun ini mengikut perancangan.

"Selepas 40 hari kejadian, saya melihat pemulihan telah dilaksanakan secara terbaik dan dengan pantas. Ia dilaksanakan melalui banyak peringkat yang perlu disegerakan," katanya yang turut meninjau kawasan SJSM dan Kenyir dari udara pada Khamis.

Takiyuddin turut melawat beberapa lokasi penting termasuk jambatan Bailey berhampiran stesen, menara penghantaran, kawasan empangan serta pencawang masuk utama sebelum diberikan taklimat mengenai pengurusan krisis oleh Pengurus Besar, State Stakeholder Affairs (Kelantan/Terengganu) TNB, Mustaphakamal Yaacob.

Hadir sama Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din dan Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti.



Takiyuddin (kanan) dan Ahmad Mokhtar (tengah) diiringi Baharin (belakang, kiri) melihat kawasan terjejas akibat tanah runtuh ketika meninjau kerja-kerja membaik pulih Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) Khamis lalu.

Dalam pada itu, Takiyuddin turut memuji kemampuan TNB dalam memastikan pembekalan tenaga elektrik di Terengganu tidak terjejas sepanjang usaha pemulihan.

Sementara itu, Ahmad Samsuri berkata, tumpuan yang diberikan oleh TNB dan kementerian (KeTSA), memberikan keyakinan tambahan bahawa proses pemulihan itu akan berjalan dengan lebih baik dalam apa jua yang terkesan sebelum ini, termasuklah aspek pembekalan air dan sebagainya.

Menurut Baharin, fasa kedua pemulihan termasuk penyenggaraan peralatan dan aset-aset penjanaan dijangka selesai Jun ini dan diikuti fasa ketiga ke arah pemulihan operasi, yang mana keseluruhan proses pemulihan mengambil masa hampir enam bulan dalam usaha memastikan keselamatan stesen berada dalam keadaan terkawal sepenuhnya.

"Pelaksanaan langkah pemulihan bagi mengembalikan operasi SJSM turut merangkumi penilaian impak kejadian kepada struktur empangan.

Penilaian mendapati integriti struktur empangan kekal kukuh dan selamat. Keadaan di sekitar Tasik Kenyir juga dijamin selamat," ujarnya.

SJSM dihenti tugas sementara berikutan menara penghantaran voltan tinggi 132kV yang menyalurkan bekalan elektrik kepada Grid Nasional tumbang pada 27 Februari akibat kejadian tanah runtuh dalam keadaan hujan lebat luar biasa bermula 25 Februari.